

CEMAS DIKEPUNG AIR

■ Tiga beranak terperangkap dalam rumah nyaris lemas

Oleh Muhammad Apendy Isahak
dan Mohd Hafizee Mohd Arop
am@hmetro.com.my
Ipoh

“Kami tiga beranak terperangkap dalam rumah apabila pintu depan dan belakang tidak dapat dibuka disebabkan arus air yang kuat. Ketika itu air sudah naik hingga paras dada dan memaksa dua anak berdiri atas meja untuk elak dari lemas.

“Mujurlah ada jiran mendengar jeritan kami dan memberikan bantuan, kalau tidak sudah pasti kami lemas di dalam rumah kerana air semakin naik,” kata Siti Zaleha Othman, 47.

Dalam kejadian banjir itu, 308 penduduk membabitkan 48 keluarga dari lima kawasan sekitar Klebang dan Manjoi dipindahkan ke tiga pusat pemindahan apabila kediaman mereka dinaiki banjir setinggi satu hingga 1.5 meter susulan hujan lebat luar biasa bermula jam 7 petang kelmarin.

Zaleha yang juga seorang ibu tunggal terperangkap hampir

10 minit bersama dua anaknya, Nurul Fatiha Kamarudin, 13 dan Shaiful Akmal Kamarudin, 11, di dalam rumahnya yang dimasuki air di Kampung Seri Klebang Tambahan Dua, di sini, berpunca daripada banjir kilat yang melanda di kawasan berkenaan.

Dia yang berniaga burger dan minuman di pasar malam berkata, selain berhadapan detik cemas itu, dia mengalami kerugian apabila semua barangan di dalam rumahnya rosak dan van serta kereta Proton Wira miliknya turut ditenggelami air.

“Walaupun saya mengalami kerugian, saya bersyukur kerana kami bertiga selamat. Saya hanya memikirkan nyawa kedua-dua anak saya berusia 11 dan 13 tahun.

“Bencana kali ini yang kedua saya alami sejak mendiami kawasan ini. Kejadian pertama pada 2004, namun banjir kali kedua lebih teruk berbanding sebelum ini,” katanya.

Seorang lagi mangsa, Farizal Mohd Razali, 37, berkata, bencana itu hampir menghanyutkan anaknya, Nur Amani Mat Saad, 9, ketika dia bersama

Periksa ban elak pecah

Ipoh: Hujan lebat luar biasa, ban pecah dan sungai dipenuhi sampah, dikesan menjadi penyebab utama punca banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di bandaraya ini kelmarin.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, pihaknya mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), memantau dan memeriksa kekukuhan semua benteng atau ban tebing sungai di negeri ini bagi mengelak mudah pecah sehingga berlaku banjir kilat dan menenggelamkan penempatan penduduk berhampiran.

Katanya, pemantauan dan tindakan berjaga-jaga perlu dilakukan di sekitar Lembah Kinta dan Daerah Hilir Perak yang sering dilanda hujan lebat ketika ini.

“Terdapat dua kes banjir

kilat sehingga menenggelamkan rumah penduduk akibat kejadian benteng sungai pecah iaitu di Daerah Hilir Perak baru-baru ini serta di Klebang dekat sini tengah malam tadi (kelmarin).

“JPS memberi jaminan untuk segera membaiki benteng penahan banjir Sungai Klebang bagi mengelak kejadian sama berulang yang dilakukan agensi berkenaan serta merta,” katanya selepas Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini, semalam.

Zambry berkata, dia turut melawat kawasan di Klebang terjejas akibat banjir pada hari kejadian dan difahamkan ia berpunca daripada benteng Sungai Klebang yang pecah, selain hujan lebat selama beberapa jam bermula lewat petang kelmarin.

suami serta empat anaknya meredah arus deras.

“Tindakan pantas anak sulung Nur Aiman, 13, menarik

baju adik menyelamatkan Nur Amani yang terjatuh ketika meredah arus untuk ke pusat penempatan banjir,” katanya

yang baru berpindah beberapa bulan ke kawasan berkenaan.

Sementara itu di Kampung Tengku Hussein, Manjoi, Rokiah Mohd Hanafiah, 68, hanya mampu melihat anaknya yang juga kurang upaya (OKU) dan suami yang uzur berendam di dalam air banjir selama hampir tiga jam kerana tidak mampu mengangkat mereka. Menurutny, dia bersama anak perempuannya Rohan Mustapha, 50, tidak mampu membantu suaminya, Mustapha Omar, 85 dan anaknya yang OKU, Mohd Shahrulnizam, 40, kerana dirinya juga uzur.

“Kami panik dan takut selepas melihat air masuk ke dalam rumah hingga ke paras dada bermula jam 6.30 petang hingga jam 9.30 malam, dan kami bernasib baik apabila ada penduduk kampung dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) datang menyelamatkan kami dengan mengungsi ahli keluarga yang tidak berdaya ke pusat pemindahan banjir,” katanya.

FAKTA
308 penduduk
dipindahkan
ke tiga pusat
pemindahan

PENDUDUK
membersihkan
rumah dilanda
banjir di Kampung
Seri Klebang
Tambahan Dua,
Ipoh.

ANGGOTA Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan RELA memeriksa kawasan rumah yang dilanda banjir di Kampung Tengku Hussin Lama dekat Manjoi, Ipoh.

FOTO: MUHAZAN YAHYA

FOTO: SUPIAN AHMAD

PENDUDUK melihat rumah ditenggelami air di Kampung Seri Klebang Tambahan Dua, semalam.



PENDUDUK sibuk membersihkan rumah dilanda banjir.



SEORANG kanak-kanak menjemur buku sekolah dirumahnya.




PENDUDUK menjemur tilam yang basah.

DR Zambry (kiri) melawat kawasan banjir di Kampung Seri Klebang Tambahan Dua, Ipoh.



SEORANG penduduk mengharung banjir.



RUMAH yang ditenggelami air Kampung Tengku Hussin Lama dekat Manjoi, Ipoh.

JENKAUT digunakan untuk kerja melancarkan air banjir.



PENDUDUK mengharung air untuk memeriksa rumah.